

RCI Batu Puteh kekal tertutup

KUALA LUMPUR: Prosiding Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan kekal dijalankan secara tertutup.

Ia selepas Hakim Mahkamah Tinggi di sini, Datuk Amarjeet Singh menolak permohonan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk mendapatkan kebenaran bagi memulakan semakan kehakiman berhubung prosiding itu.

Pada prosiding sama, Hakim Amarjeet menolak permohonan Dr. Mahathir untuk menghalang Pengerusi RCI, Tun Md Raus Sharif serta dua ahli suruhanjaya itu, Datuk Dr. Baljit Singh Sindu dan Datuk Mohammed Ridha Abd. Kadir yang didakwa berisiko berat sebelah.

Turut ditolak ialah permohonan bekas Ahli Parlimen Langkawi itu untuk mengganung prosiding tersebut.

“Mahkamah menolak relief

yang dimohon kecuali perintah mandamus terhadap responden pertama hingga ketujuh dan mana-mana ahli lain Suruhanjaya Siasatan tersebut untuk membenarkan pemohon (Dr. Mahathir) dan peguamnya hadir sepanjang prosiding Suruhanjaya Siasatan Diraja tersebut,” kata Hakim Amarjeet.

Dr. Mahathir memfailkan permohonan itu pada 5 Jun, menamakan Md. Raus dan timbalannya Tan Sri Zainun Ali sebagai responden pertama dan kedua.

Responden ketiga hingga kelapan ialah ahli RCI Datuk Dr. Baljit Singh, Datuk Dr. Johan Shamsuddin Sabaruddin, Prof Datin Dr Faridah Jalil, Mohammed Ridha, Dickson Dollah dan Setiausaha RCI Zamri Misman.

Pada prosiding semalam, kesemua responden diwakili Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhassan manakala Dr. Mahathir diwakili peguam Zainur Zakaria dan Muhammad Rafique Rashid Ali.